



# UPI

## KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH

*Unique Parcel Identifier (UPI)*

# PERAK DARUL RIDZUAN

Negeri

Daerah / Jajahan / Bahagian / Daerah Kecil / Jajahan Kecil

Mukim / Bandar / Pekan / Land / Town District / Desa

Seksyen / Presint / Block / Section / Kampung / Pulau

Lot / Geran

Di Malaysia



**KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH**  
***UNIQUE PARCEL IDENTIFIER (UPI)***

**Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)**  
**2023**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

**Sekretariat  
Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)  
Pusat Geospasial Negara (PGN)  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)**

**Cetakan Pertama 2011  
Cetakan Kedua 2023**

**Diterbit dan dicetak di Malaysia oleh**


**Pusat Geospasial Negara (PGN)  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tingkat 7 & 8, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 Putrajaya  
Tel : 603-8886 1156  
Fax : 603-88894851  
[www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)**

## PRAKATA

Syukur ke hadrat Illahi atas sumbangan dan penglibatan semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Dokumen *Unique Parcel Identifier* (UPI). UPI merupakan satu pengecaman yang unik bagi lot (petak) tanah di Malaysia. Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah serta Warta yang terkandung dalam dokumen ini menjadi rujukan pelbagai pihak terutamanya kepada Agensi Pembekal Data (APD). Penerbitan dokumen ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai kepentingan penyelarasan UPI bagi keseragaman pemakaian oleh APD. Ia meliputi kaedah penyelarasan yang dijalankan bagi menghasilkan senarai UPI bagi setiap negeri.

Dokumen ini pernah diterbitkan pada tahun 2011, maka sewajarnya dokumen ini dikemaskini berdasarkan perubahan kepada sempadan pentadbiran tanah yang berlaku di sesebuah Negeri/ Wilayah Persekutuan. Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang bertindak sebagai penyelarasan bagi penerbitan dokumen UPI telah mengambil inisiatif dengan melibatkan agensi yang berkaitan di setiap Negeri/ Wilayah Persekutuan dalam setiap sesi perbincangan. Justeru di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTSS), Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak serta agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam usaha penerbitan dokumen ini.

Dengan ini, saya mengharapkan agar dokumen Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah (UPI) ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan diguna pakai oleh agensi dalam memudahkan penyampaian perkhidmatan serta perkongsian maklumat geospasial.



Abrizah binti Abdul Aziz  
Pengarah  
Pusat Geospasial Negara  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

## KANDUNGAN

PERKARA		MUKA SURAT
1.0	Tujuan	1
2.0	Latar Belakang	
2.1	Pengenalan	1
2.2	Langkah Awal Penyelarasan UPI	1
2.3	Rasional Penyelarasan UPI	2
2.4	Faedah Penyelarasan UPI	2
2.5	Kaedah Penyelarasan UPI	3
3.0	Penerangan Mengenai Struktur UPI di Malaysia	7
4.0	Aplikasi <i>Unique Parcel Identifier</i> (UPI)	11
4.1	Kaedah untuk Melayari Aplikasi <i>Unique Parcel Identifier</i> (UPI)	12
4.2	Fungsi-fungsi yang Terdapat dalam Aplikasi UPI	13
5.0	Penutup	20
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lampiran : Senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah bagi Negeri Perak <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Rajah Malaysia – Negeri Perak</li> <li>○ Rajah Negeri Perak – Daerah-daerah</li> <li>○ Daerah Batang Padang</li> <li>○ Daerah Manjung</li> <li>○ Daerah Kinta</li> <li>○ Daerah Kerian</li> <li>○ Daerah Kuala Kangsar</li> <li>○ Daerah Larut Matang</li> <li>○ Daerah Hilir Perak</li> <li>○ Daerah Hulu Perak</li> <li>○ Daerah Selama</li> <li>○ Daerah Perak Tengah</li> <li>○ Daerah Kampar</li> <li>○ Daerah Muallim</li> <li>○ Daerah Bagan Datuk</li> </ul> </li> </ul>	<p>22</p> <p>24</p> <p>25</p> <p>27</p> <p>31</p> <p>33</p> <p>35</p> <p>37</p> <p>39</p> <p>41</p> <p>43</p> <p>45</p> <p>47</p> <p>49</p> <p>51</p>
	Glosari	53

## 1.0 TUJUAN

Dokumen ini diterbitkan sebagai sumber rujukan kepada agensi dalam menentukan senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang seragam bagi semua negeri di Malaysia. Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah adalah satu pengecaman yang unik bagi lot (petak) tanah atau lebih dikenali sebagai *Unique Parcel Identifier* (UPI) yang digunakan untuk menentukan lokasi secara fizikal lot-lot tanah di Malaysia.

## 2.0 LATAR BELAKANG

### 2.1 PENGENALAN

- i) Kemajuan pesat bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi serta peningkatan pelaksanaan program perkomputeran di agensi-agensi sektor awam telah mewujudkan keperluan untuk berkongsi maklumat dan mengintegrasikan sistem-sistem di kalangan agensi kerajaan. Perkara ini sukar dilakukan disebabkan tiada satu definisi dan format data yang standard yang boleh diguna pakai oleh semua agensi. Antara masalah yang dihadapi dalam perkongsian maklumat geospasial adalah mengenai UPI yang tidak selaras antara agensi.
- ii) Sehubungan itu, UPI digunakan sebagai satu cara pengecaman yang unik bagi lot-lot tanah yang diberimilik (dilupuskan) oleh Pihak Berkuasa Negeri. Penyelarasan ini hanya melibatkan struktur kod bagi tanah yang telah diukur halus melalui pengeluaran Hakmilik Muktamad (*Final Title*).
- iii) Dokumen ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai kepentingan penyelarasan UPI bagi keseragaman pemakaian oleh agensi-agensi pembekal data. Ia meliputi kaedah penyelarasan yang dijalankan bagi menghasilkan senarai UPI bagi setiap negeri.
- iv) Senarai UPI yang telah diselaraskan ini sewajarnya diguna pakai antara agensi bagi memudahkan perkongsian maklumat geospasial serta mempercepatkan urusan transaksi harian.

### 2.2 LANGKAH AWAL PENYELARASAN UPI

Pada tahun 1997, Sekretariat *National Land Information System* (NaLIS) telah mengemukakan draf penyeragaman UPI berasaskan pembekal-pembekal utama data geospasial iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selanjutnya pada tahun 1998 buku NaLISCO telah diedarkan kepada semua Agensi Pembekal Data (APD). Berdasarkan maklum balas daripada pihak JUPEM dan PTG didapati terdapat perbezaan UPI yang ketara di beberapa buah negeri.

Susulan daripada penubuhan Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) pada tahun 2002, Jawatankuasa NaLIS yang ditugaskan untuk menyelaraskan UPI telah diambil alih oleh Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM).

### 2.3 RASIONAL PENYELARASAN UPI

Rasional penyelarasan UPI antaranya adalah seperti berikut:

- i) Maklumat spatial dan tekstual mengenai petak tanah yang diperolehi daripada pelbagai sumber antaranya Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) di JUPEM sekarang dikenali sebagai Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan / *National Digital Cadastral Database* (NDCDB) dalam Sistem eKadaster dan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)/ Sistem e-Tanah di PTG adalah tidak seragam. Ini mengakibatkan maklumat petak tanah yang diperolehi oleh pengguna secara dalam talian (*online*) sukar diakses dan dianalisis kerana data-data berkenaan menggunakan kod dan nama sempadan pentadbiran tanah yang berbeza;
- ii) Memudahkan perkongsian maklumat geospasial dalam pelbagai urusan transaksi petak tanah antaranya permohonan tukar syarat, pecah sempadan, pembermilikan, pembelian hartanah dan lain-lain;
- iii) Membantu pihak agensi pusat seperti Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) yang bertindak sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) untuk mempercepatkan proses membuat keputusan berkaitan urusan-urusan transaksi tanah yang melibatkan pelbagai agensi;
- iv) Penyeragaman UPI adalah selaras dengan pelaksanaan Sistem e-Tanah yang merupakan satu sistem transaksi bagi memudahkan urusan carian hakmilik dan mempercepatkan pembayaran cukai secara dalam talian; dan
- v) Menyelaras ejaan nama bagi negeri, daerah/ jajahan/ bahagian/ daerah kecil/ jajahan kecil, mukim/ bandar/ pekan/ *land/ town district/* desa dan seksyen/ presint/ *block/ section/* kampung/ pulau. Pengesahan ejaan nama merupakan tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Penggunaan ejaan nama yang seragam amat penting dalam memberikan nama kepada sesuatu tempat supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pengguna.

### 2.4 FAEDAH PENYELARASAN UPI

Secara keseluruhannya pelaksanaan penggunaan UPI ini akan memberikan faedah-faedah seperti berikut:

- i) memudahkan pelaksanaan dan pengintegrasian sistem-sistem aplikasi di dalam dan antara agensi;
- ii) memudahkan perkongsian maklumat geospasial;
- iii) membantu agensi-agensi dalam pembangunan sistem aplikasi; dan
- iv) menyediakan panduan untuk melaksanakan dokumentasi yang seragam di semua agensi. Secara umumnya UPI ini membantu Agensi Pembekal Data mempunyai satu standard yang akan memudahkan sistem integrasi dan operasi antara agensi.

## 2.5 KAEDAH PENYELARASAN UPI

Kaedah penyelarasan ini dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu:

- i. Penyelarasan kod sempadan pentadbiran tanah; dan
- ii. Penyelarasan nama sempadan pentadbiran tanah.

### 2.5.1 Penyelarasan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan yang dilaksanakan ini adalah meliputi struktur kod bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penyelarasan ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang timbul dalam perkongsian maklumat geospasial antara agensi.

#### i) Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah


Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah bagi hakmilik tanah yang telah diukur halus (*Final Title*) adalah seperti di Jadual 1:

Sempadan/ Kawasan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	W.P. Labuan
Negeri	2 aksara - char (angka sahaja)	2 aksara - char (angka sahaja)	2 aksara - char (angka sahaja)	2 aksara - char (angka sahaja)
Daerah/Jajahan/ Bahagian/Daerah kecil/Jajahan kecil	2 aksara - char (angka sahaja) (Daerah/Jajahan/ Daerah Kecil/ Jajahan Kecil)	2 aksara - char (angka sahaja) (Daerah)	2 aksara - char (angka sahaja) (Bahagian)	2 aksara - char (angka sahaja)
Mukim/Bandar/ Pekan/ Land/Town District/Desa	2 aksara - char (angka sahaja) (Mukim/Bandar/Pekan)	2 aksara - char (angka sahaja)	3 aksara - char (angka sahaja) (Land/Town District)	2 aksara - char (angka sahaja) (Desa/Bandar)
Seksyen/Presint/ Block/Section/ Kampung/Pulau	3 aksara - char (angka/abjad)	3 aksara - char (angka/abjad)	3 aksara - char (angka/abjad) (Block/Section)	3 aksara - char (angka/abjad) (Kampung/Pulau)
Lot/Geran	7 aksara - char (angka sahaja)	9 aksara - char (angka sahaja)	5 aksara - char (angka sahaja)	9 aksara - char (angka sahaja)
Jumlah	16 aksara	18 aksara	15 aksara	18 aksara

Jadual 1: Struktur Kod Sempadan/Kawasan Pentadbiran Tanah



Struktur kod Sempadan/Kawasan Pentadbiran Tanah di Malaysia terdiri daripada lima (5) peringkat seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1:** Struktur Kod Sempadan/ Kawasan Pentadbiran Tanah

## ii) Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan kod sempadan pentadbiran tanah dihasilkan dengan membandingkan kod yang diguna pakai oleh pihak JUPEM dan PTG di setiap negeri.

### a) Asas Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah oleh PTG

Pewujudan kod sempadan pentadbiran tanah adalah berdasarkan kepada nombor Suratn Hakmilik (Sistem e-Tanah) Kod Sistem Hasil.

Ketika ini Suratn Hakmilik yang menggunakan Sistem e-Tanah mempunyai banyak persamaan dengan struktur kod JUPEM. Namun terdapat perbezaan ketara dari segi penggunaan kod dan nama sempadan pentadbiran tanah bagi PTG negeri yang masih menggunakan kod SPHT.

### b) Asas Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah oleh JUPEM

Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah yang diamalkan di JUPEM adalah berdasarkan kepada Peraturan Ukur yang telah diterbitkan pada tahun 1976, sekarang dikenali sebagai Peraturan Ukur Kadaster 2009.

## 2.5.2 Penyelarasan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah disahkan secara bersama dengan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melalui melalui semakan kepada Warta Kerajaan Negeri dan Pelan Warta. Sekiranya tiada dokumen sokongan, maka penggunaan nama semasa dijadikan asas dalam penyelarasan ini.

### i. Warta Kerajaan Negeri

Di bawah Seksyen 11, Kanun Tanah Negara (Akta 828), membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) menerbitkan Warta Kerajaan Negeri yang menjelaskan pembahagian sempadan bagi negeri, daerah dan mukim/ bandar/ pekan bagi sesebuah negeri di Semenanjung Malaysia.

Cabutan Seksyen 11, KTN (Akta 828) adalah seperti berikut;

*Kawasan Pentadbiran:*

*Pihak Berkuasa Negeri bolehlah melalui pemberitahuan Warta;*

- a) Membahagikan kawasan negeri kepada daerah-daerah;*
- b) Membahagikan mana-mana daerah atau daerah kecil;*
- c) Membahagikan mana-mana daerah atau daerah kecil kepada mukim;*
- ca) Mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan; dan*
- d) Selepas pengukuran atau penentuannya oleh atau bagi pihak Pengarah Ukur Dan Pemetaan, menetapkan mana-mana kawasan sebagai bandar atau pekan.*

### ii. Pelan Warta

Pelan Warta yang juga dikenali sebagai Pelan Gazet (PG)/Gazette Plan (GP) merupakan pelan rujukan bagi mengesahkan sempadan pentadbiran tanah bagi sempadan negeri, daerah/ jajahan/ bahagian/ daerah kecil/ jajahan kecil, mukim/ bandar/ pekan/ *land/ town district/* desa dan seksyen/ presint/ *block/ section/* kampung/ pulau. Ia disediakan oleh pihak JUPEM berdasarkan nama-nama sempadan pentadbiran tanah yang terdapat di dalam Warta Kerajaan yang telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **iii. Penggunaan Nama Semasa**

Nama sempadan pentadbiran tanah yang belum diwartakan, ia hendaklah menggunakan nama semasa yang sedang diguna pakai oleh pihak SUK, JUPEM dan PTG dan seterusnya perlu diambil tindakan pemertaan.

### **iv. Maklumat Spatial Sempadan Pentadbiran**

Maklumat spatial bagi setiap sempadan tanah dapat ditunjukkan dalam bentuk poligon. Setiap sempadan poligon mempunyai nama tersendiri yang disimpan dalam Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB), JUPEM. Ia terdiri daripada sempadan negeri, daerah/ jajahan/ daerah kecil/ jajahan kecil, mukim/ bandar/ pekan/ desa dan seksyen/ presint/ *block/ section/ kampung/ pulau* untuk rujukan pengguna mengenal pasti lokasi serta sempadan sebenar. Maklumat ini boleh diakses melalui laman web [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my) bagi membolehkan pengguna mendapatkan paparan grafik dan juga maklumat atribut.

### 3.0 PENERANGAN MENGENAI STRUKTUR KOD UPI DI MALAYSIA

#### i) Digit pertama dan kedua (Negeri)

- Digit pertama dan kedua menerangkan kod negeri

#### ii) Digit ketiga dan keempat (Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Daerah Kecil/ Jajahan Kecil)

- Digit ketiga dan keempat menerangkan kod daerah dan daerah kecil
- Bagi negeri Kelantan, ia menggunakan kod jajahan
- Bagi negeri Sarawak, ia menggunakan kod Bahagian

#### iii) Digit kelima dan keenam (Mukim/ Bandar/ Pekan/ *Land/ Town District/ Desa*)

- Digit kelima dan keenam menerangkan kod Mukim/ Bandar/ Pekan mengikut mana yang berkaitan
- Digit kelima dan keenam menerangkan kod Desa/ Bandar mengikut mana yang berkaitan bagi W.P. Labuan

##### **Digit kelima, keenam dan ketujuh (*Land/ Town District*)**

- Digit kelima, keenam dan ketujuh menerangkan kod *Land/ Town District* mengikut mana yang berkaitan bagi Negeri Sarawak

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai kod mukim/ bandar/ pekan, maka ruangan ini akan direkod sebagai 00 sahaja.

#### iv) Digit ketujuh, kelapan dan kesembilan (Seksyen/ Presint/ *Block/ Section/ Kampung/ Pulau*)

- Digit ketujuh, kelapan dan kesembilan menerangkan kod seksyen
- Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya ia menggunakan kod presint

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai kod seksyen/ presint/ *block/ section/ kampung/ pulau* maka ruangan ini akan direkod sebagai 000 sahaja.

#### v) Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas dan keenam belas (Nombor Lot)

- Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas dan keenam belas menerangkan nombor lot tanah. Lot-lot tanah yang mempunyai nombor kurang dari 7 digit ditambah dengan angka-angka kosong di hadapan untuk melengkapkan 7 digit. Walau bagaimanapun, penambahan angka-angka kosong ini hanya dapat dilihat dalam pangkalan data sahaja. Apabila Pelan Akui dikeluarkan hanya nombor lot sebenar akan dicetak.

##### **Digit kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas dan kelima belas (Nombor Lot)**

- Digit kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas dan kelima belas menerangkan nombor lot tanah bagi Negeri Sarawak.

**Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas, keenam belas, ketujuh belas dan kelapan belas (Nombor Geran/ Nombor Lot)**

- Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas, keenam belas, ketujuh belas dan kelapan belas menerangkan nombor geran/ nombor lot tanah tanah bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**CONTOH PENGECAMAN LOT TANAH DI NEGERI PERAK MALAYSIA MENGGUNAKAN KOD UPI**

- i) **NEGERI PERAK\_DAERAH BATANG PADANG\_MUKIM SUNGKAI\_TIADA SEKSYEN\_ LOT 10005**

<b>Struktur Kod UPI</b>	<b>0801070000010005</b>	
<b>Penerangan</b>	<b>Kod</b>	<b>Sempadan</b>
	08	Negeri Perak
	01	Daerah Batang Padang
	07	Mukim Sungkai
	000	Tiada Seksyen
	0010005	Nombor Lot Tanah

- ii) **NEGERI PERAK\_DAERAH MANJUNG\_BANDAR LUMUT\_TIADA SEKSYEN\_ LOT 1011**

<b>Struktur Kod UPI</b>	<b>0802400000001011</b>	
<b>Penerangan</b>	<b>KOD</b>	<b>SEMPADAN</b>
	08	Negeri Perak
	02	Daerah Manjung
	40	Bandar Lumut
	000	Tiada Seksyen
	0001011	Nombor Lot Tanah

- iii) **NEGERI PERAK\_DAERAH KINTA\_PEKAN SIMPANG PULAI\_TIADA SEKSYEN\_ LOT 115**

<b>Struktur Kod UPI</b>	<b>0803730000000115</b>	
<b>Penerangan</b>	<b>KOD</b>	<b>SEMPADAN</b>
	08	Negeri Perak
	03	Daerah Kinta
	73	Pekan Simpang Pulai
	000	Tiada Seksyen
	0000115	Nombor Lot Tanah

iv) **NEGERI PERAK\_DAERAH KERIAN\_PEKAN BUKIT MERAH\_ TIADA SEKSYEN\_LOT 103**

<b>Struktur Kod UPI</b>	<b>080470000000103</b>	
<b>Penerangan</b>	<b>KOD</b>	<b>SEMPADAN</b>
	08	Negeri Perak
	04	Daerah Kerian
	70	Pekan Bukit Merah
	000	Tiada Seksyen
	0000103	Nombor Lot Tanah

v) **NEGERI PERAK\_DAERAH KUALA KANGSAR\_PEKAN JERLUN\_TIADA SEKSYEN\_LOT 512**

<b>Struktur Kod UPI</b>	<b>080571000000512</b>	
<b>Penerangan</b>	<b>KOD</b>	<b>SEMPADAN</b>
	08	Negeri Perak
	05	Daerah Kuala Kangsar
	71	Pekan Jerlun
	000	Tiada Seksyen
	0000512	Nombor Lot Tanah

#### 4.0 APLIKASI *UNIQUE PARCEL IDENTIFIER* (UPI)

Senarai kod UPI ini telah dimasukkan dalam laman web [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my). Untuk melengkapkan maklumat selain daripada senarai kod dan ejaan nama sempadan pentadbiran tanah, terdapat juga data spatial yang menunjukkan sempadan negeri, daerah/ jajahan/ bahagian/ daerah kecil/ jajahan kecil, mukim/ bandar/ pekan/ land/ town district/ desa dan seksyen/ presint/ kampung/ pulau. Sumber data spatial diperolehi daripada Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB), JUPEM.

Aplikasi UPI ini adalah berdasarkan teknologi Geographical Information System (GIS). Aplikasi ini membenarkan maklumat UPI dicapai dengan mudah dan secara tidak langsung akan meningkatkan penggunaan kod UPI. Pengguna boleh melayari aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat tambahan lain yang lebih lengkap. Aplikasi ini dibangunkan pada tahun 2008 dan telah dinaiktaraf pada tahun 2016 adalah bertujuan bagi membolehkan semua agensi yang berkepentingan mengguna pakai standard kod dan nama sempadan pentadbiran tanah yang seragam bagi seluruh negeri di Malaysia.

Aplikasi ini menggunakan perisian seperti berikut:

- i) *ArcGIS Enterprise*
- ii) MS SQL
- iii) *Microsoft.Net*
- iv) *Internet Information Service (IIS) Web Server*


*ArcGIS Enterprise* digunakan sebagai medium untuk memaparkan maklumat geospasial dan membangunkan fungsi-fungsi yang berkait dengan GIS. Pembangunan pangkalan data UPI menggunakan MS SQL yang menyimpan data-data spatial serta atribut dan diuruskan oleh *Spatial Database Engine* yang merupakan komponen *ArcGIS Enterprise*.



## 4.1 KAEDAH UNTUK MELAYARI APLIKASI *UNIQUE PARCEL IDENTIFIER* (UPI)

### 4.1.1. Akses Laman Utama UPI


Sila layari laman utama Aplikasi UPI di pautan berikut: <https://mygos.mygeoportal.gov.my/upi/>. Paparan seperti di **Rajah 2** akan dipaparkan.




**Rajah 2:** Laman Utama Aplikasi UPI

## 4.2 FUNGSI-FUNGSI YANG TERDAPAT DALAM APLIKASI UPI

### 4.2.1 Fungsi *About*

- i. Fungsi *About*  membolehkan pengguna untuk melihat maklumat berkaitan Aplikasi UPI.
- ii. Maklumat terperinci berkaitan struktur kod UPI dan ayat penafian akan dipaparkan seperti di **Rajah 3**.



**About**

Aplikasi ini dibangunkan oleh Pusat Geospasial Negara sebagai sumber rujukan kepada agensi dalam menentukan Senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang seragam bagi semua negeri di Malaysia.

Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah adalah satu pengecaman unik bagi lot (petak) tanah atau lebih dikenali sebagai *Unique Parcel Identifier* (UPI) yang digunakan untuk menentukan lokasi secara fizikal lot-lot tanah di Malaysia. Contoh struktur kod UPI di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

NEGERI	DAERAH/ JAJAHAN	MUKIM/ BANDAR/ PEKAN	SEKSYEN/ PRESINT	NOMBOR LOT
02	01	43	000	0001515

Medan UPI dalam pangkalan data  
**020143000001515**  
(Jumlah 16 aksara)

Penerangan  
NEGERI KEDAH\_DAERAH KOTA SETAR\_  
BANDAR KUALA KEDAH\_TIADA SEKSYEN\_LOT 1515


**MANUAL PENGGUNA**

*Disclaimer*  
The Government of Malaysia and PGN shall not be liable for any data loss or damage caused by the usage of any information obtained from this portal.

**Rajah 3:** Paparan Fungsi *About*


#### 4.2.2 Fungsi *Basemap Gallery*

- i. Fungsi *Basemap Gallery*  membolehkan pengguna untuk menukar paparan peta seperti di **Rajah 4**.



Rajah 4: Paparan Fungsi *Basemap Gallery*

#### 4.2.3 Fungsi Muat Turun Dokumen UPI Negeri

- i. Fungsi Muat Turun Dokumen UPI Negeri  membolehkan pengguna untuk memaparkan dan memuat turun senarai dokumen UPI negeri seperti di **Rajah 5**.



Rajah 5: Dokumen UPI Negeri

#### 4.2.4 Fungsi Carian *Unique Parcel Identifier* (UPI)

- i. Fungsi Carian *Unique Parcel Identifier* (UPI) membolehkan pengguna untuk membuat carian UPI negeri seperti di **Rajah 6**.




**Unique Parcel Identifier (UPI)**
⤴
✕

Negeri

Unit Pentadbiran	Kod UPI	Nama
Negeri		
Daerah		
Mukim		
Seksyen		
No. Lot (Contoh)	<b>0001234</b>	Lot 1234
UPI:		


**Rajah 6:** Paparan fungsi *Unique Parcel Identifier* (UPI)

- ii. Pilih negeri yang dikehendaki pada senarai negeri dan peta akan zoom pada negeri yang dipilih seperti di **Rajah 7**.




**Rajah 7:** Paparan Sempadan Negeri

- iii. Pilih daerah yang dikehendaki pada senarai daerah dan peta akan zoom pada daerah yang dipilih seperti di **Rajah 8**.



**Rajah 8:** Paparan Sempadan Daerah

- iv. Pilih Mukim/ Bandar/ Pekan yang dikehendaki dan peta akan zoom pada Mukim/ Bandar/ Pekan yang dipilih seperti di **Rajah 9**.



**Rajah 9:** Paparan Sempadan Mukim

- v. Pilih seksyen yang dikehendaki dan peta akan zoom pada seksyen yang dipilih. UPI akan dipaparkan setelah pengguna memilih kesemua sempadan yang dikehendaki seperti di **Rajah 10**.

**Unique Parcel Identifier (UPI)**

Negeri: 08 PERAK

Daerah: 01 DAERAH BATANG PADAI


Mukim/Bandar/Pekan: 03 MUKIM CHENDERIANG


Seksyen: 000 Tiada Seksyen

Unit Pentadbiran	Kod UPI	Nama
Negeri	08	PERAK
Daerah	01	DAERAH BATANG PADANG
Mukim/Bandar/Pekan	03	MUKIM CHENDERIANG
Seksyen	000	Tiada Seksyen
No. Lot (Contoh)	0001234	Lot 1234
UPI: 0801030000001234		

Rajah 10: Paparan Struktur UPI

#### 4.2.5 Fungsi Dashboard


- i. Fungsi *Dashboard*  membolehkan pengguna untuk melihat pelbagai statistik berkaitan sempadan pentadbiran tanah di Malaysia.
- ii. Pilih negeri yang dikehendaki dan paparan *dashboard* akan dipaparkan seperti di **Rajah 11**.



Rajah 11: Paparan Fungsi *Dashboard*

#### 4.2.6 Fungsi *Measurement*


- i. Fungsi *Measurement*  membolehkan pengguna untuk membuat pengukuran jarak dan keluasan dalam paparan peta seperti di **Rajah 12**.



**Rajah 12:** Paparan Fungsi *Measurement*

#### 4.2.7 Fungsi *Add Data*

- i. Fungsi *Add Data*  membolehkan pengguna untuk memuat naik data sama ada dalam bentuk *web services* ataupun dalam bentuk fizikal ke dalam paparan peta seperti di **Rajah 13**.




**Rajah 13:** Paparan Fungsi *Add Data*

- ii. Data yang dimuat naik adalah untuk tujuan *overlay* dengan data sempadan pentadbiran yang terdapat dalam Aplikasi UPI dan data tersebut tidak kekal berada dalam aplikasi tersebut.


#### 4.2.8 Fungsi *Bookmark*


- i. Fungsi *Bookmark*  membolehkan pengguna untuk *save extent* data yang dipaparkan dalam Aplikasi UPI seperti di **Rajah 14**.



Rajah 14: Paparan Fungsi *Bookmark*


#### 4.2.9 Fungsi *Print*

- i. Fungsi *Print*  membolehkan pengguna untuk *save* paparan peta dalam format PDF dan seterusnya mencetak paparan peta yang dikehendaki seperti di **Rajah 15** dan **Rajah 16**.



Rajah 15: Paparan Fungsi *Print*





**Rajah 16:** Paparan Peta dalam format PDF

Aplikasi UPI ini akan memudahkan carian mengikut negeri, daerah/ jajahan/ bahagian/ daerah kecil/ jajahan kecil, mukim/ bandar/ pekan/ land/ town district/ desa sehingga seksyen/ presint/ block/ section/ kampung/ pulau beserta nombor kod dan ejaan nama sempadan pentadbiran tanah yang lebih terperinci. Pengguna juga akan mendapat maklumat lengkap berkaitan kod UPI yang digunakan bagi tujuan pengecaman lot tanah yang unik bagi memudahkan sebarang analisis dijalankan.

Pengguna akan mendapat maklumat lengkap sebagaimana sesuatu lot dapat dikenalpasti di atas tanah. Aplikasi UPI yang dibangunkan sekarang masih belum mempunyai data lot/ geran tanah. Hanya paparan sehingga ke peringkat seksyen/ presint/ block/ section/ kampung/ pulau sahaja ditunjukkan.

## 5.0 PENUTUP


Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam penggunaan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah. Justeru, dokumen ini disarankan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan utama Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang komprehensif untuk diguna pakai oleh semua pihak berkaitan geospasial atau bukan geospasial sama ada oleh agensi kerajaan, swasta dan akademik bagi pelbagai tujuan.

# LAMPIRAN

**KOD DAN NAMA SEMPADAN  
PENTADBIRAN TANAH BAGI  
NEGERI PERAK**

# RAJAH MALAYSIA

## Negeri Perak




**NEGERI PERAK**  
**Daerah**

KOD	NEGERI	WARTA	
		WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
08	PERAK	Sempadan Negeri Perak / Kedah G.N. 14/15.5.1900	P.P. 226
		Sempadan Negeri Perak / Thailand G.N. 14/15.5.1900	P.P. 229
		Sempadan Negeri Perak / Kelantan G.N. 14/15.5.1900	P.P. 209
		Sempadan Negeri Perak / Pahang Pk. GG. No. 421/6.7.1900	P.P. 227
		Sempadan Negeri Perak / Selangor Pk. GG. No. 229/12.4.1901 (WK. 14 m.s. 202)	P.P. 228
		Sempadan Negeri Perak / Pulau Pinang Perak secretariat No. <b>5058/1916</b>	P.P. 231

KOD	DAERAH	WARTA	
		WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
01	BATANG PADANG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5294 (18.03.2022)
02	MANJUNG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5295 (20.06.2022)
03	KINTA	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5296 (18.03.2020)
04	KERIAN	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5297 (20.06.2022)
05	KUALA KANGSAR	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5298 (18.03.2022)
06	LARUT MATANG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5299 (20.06.2022)
07	HILIR PERAK	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5300 (18.03.2022)
08	HULU PERAK	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5301 (18.03.2022)
09	SELAMA	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5302 (18.03.2022)
10	PERAK TENGAH	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5303 (18.03.2022)
11	KAMPAR	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5304 (18.03.2022)
12	MUALLIM	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5305 (18.03.2022)
13	BAGAN DATUK	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5306 (20.06.2022)

# RAJAH NEGERI PERAK


## Daerah-daerah



**NEGERI PERAK**  
**01 - Daerah Batang Padang**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
01	BATANG PADANG	01	MUKIM BATANG PADANG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5294 (18.03.2022)
		02	MUKIM BIDOR		
		03	MUKIM CHENDERIANG		
		07	MUKIM SUNGKAI		
		40	BANDAR BIDOR		
		41	BANDAR CHENDERIANG		
		42	BANDAR SUNGKAI		
		44	BANDAR TAPAH		
		45	BANDAR TEMOH		
		70	PEKAN AYER KUNING		
		71	PEKAN BANIR		
		73	PEKAN BIKAM		
		75	PEKAN SUNGAI LESONG		
76	PEKAN TAPAH ROAD				
77	PEKAN TEMOH STATION				

**NEGERI PERAK**  
**Rajah Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Batang Padang**




**NEGERI PERAK**  
**02 - Daerah Manjung**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
02	MANJUNG	01	MUKIM BERUAS	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5295 (20.06.2022)
		02	MUKIM LEKIR		
		03	*MUKIM LUMUT		
		04	MUKIM PENGKALAN BAHARU		
		05	MUKIM SITIAWAN		
		40	BANDAR LUMUT		
		70	PEKAN AYER TAWAR		
		71	PEKAN BERUAS		
		72	PEKAN CHANGKAT KERUING		
		73	PEKAN DAMAR LAUT		
		74	PEKAN KAMPONG BAHARU		
		75	PEKAN KAMPONG KOH		
		76	PEKAN KAMPONG SITIAWAN		
		77	PEKAN PANGKOR		
		78	PEKAN PANTAI REMIS		
		79	PEKAN PASIR BOGAK		
		80	PEKAN GURNEY		
		81	PEKAN PENGKALAN BAHARU		
82	PEKAN SEGARI				
83	PEKAN SITIAWAN				
84	PEKAN SUNGAI PINANG KECIL				

\* Sila Rujuk Rajah Seksyen bagi Mukim Lumut.




**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Manjung**



**NEGERI PERAK**  
**Mukim Lumut**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
02	MANJUNG	03	MUKIM LUMUT	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5295 (20.06.2022)
			001 PULAU AGAS		
			002 PULAU BATU HITAM		
			003 PULAU BATU PUTIH		
			004 PULAU BATUAN		
			005 PULAU BULOH		
			006 PULAU JARAK		
			007 PULAU LALANG 1		
			008 PULAU LALANG 2		
			009 PULAU MENTAGOR		
			010 PULAU NIPIS		
			011 PULAU PANGKOR		
			012 PULAU PANGKOR LAUT		
			013 PULAU PAYONG		
			014 PULAU RUMBIA		
			015 PULAU SAGA 1		
016 PULAU SAGA 2					


# NEGERI PERAK Rajah Pulau bagi Mukim Lumut



**NEGERI PERAK**  
**03 - Daerah Kinta**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
03	KINTA	07	MUKIM TRONOH	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5296 (18.03.2020)
		02	MUKIM HULU KINTA		
		04	MUKIM SUNGAI RAYA		
		05	MUKIM SUNGAI TERAP		
		06	MUKIM TANJONG TUALANG		
		40	BANDAR BATU GAJAH		
		41	BANDAR CHEMOR		
		43	BANDAR IPOH (N)		
		44	BANDAR IPOH (S)		
		45	BANDAR JELAPANG		
		47	BANDAR LAHAT		
		48	BANDAR MENGLEMBU		
		49	BANDAR PAPAN		
		51	BANDAR PUSING		
		52	BANDAR SEPUTEH		
		53	BANDAR SUNGAI RAYA		
		54	BANDAR TAMBUN		
		55	BANDAR TANJONG RAMBUTAN		
		56	BANDAR TRONOH		
70	PEKAN KANTHAN				
73	PEKAN SIMPANG PULAI				
74	PEKAN TANJONG TUALANG				


**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Kinta**



**NEGERI PERAK**  
**04 - Daerah Kerian**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
04	KERIAN	01	MUKIM BAGAN SERAI	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5297 (20.06.2022)
		02	MUKIM BAGAN TIANG		
		03	MUKIM BERIAH		
		04	MUKIM GUNONG SEMANGGOL		
		05	MUKIM KUALA KURAU		
		06	MUKIM PARIT BUNTAR		
		07	MUKIM SELINSING		
		08	MUKIM TANJONG PIANDANG		
		40	BANDAR BAGAN SERAI		
		41	BANDAR KUALA KURAU		
		42	BANDAR PARIT BUNTAR		
		70	PEKAN BUKIT MERAH		
		71	PEKAN JALAN BARU		
		72	PEKAN SIMPANG EMPAT		
73	PEKAN SIMPANG LIMA				
74	PEKAN SUNGAI GEDONG				
75	PEKAN TANJONG PIANDANG				

**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Kerian**



**NEGERI PERAK**  
**05 - Daerah Kuala Kangsar**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
05	KUALA KANGSAR	01	MUKIM CHEGAR GALAH	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5298 (18.03.2022)
		02	MUKIM KAMPONG BUAYA		
		03	MUKIM KOTA LAMA KANAN		
		04	MUKIM KOTA LAMA KIRI		
		05	MUKIM LUBOK MERBAU		
		06	MUKIM PULAU KAMIRI		
		07	MUKIM SAYUNG		
		08	MUKIM SENGGANG		
		09	MUKIM SUNGAI SIPUT		
		40	BANDAR KUALA KANGSAR		
		41	BANDAR SUNGAI SIPUT		
		70	PEKAN GUNONG PONDOK		
		71	PEKAN JERLUN		
		72	PEKAN KARAI		
		73	PEKAN KATI		
		74	PEKAN LUBOK MERBAU		
75	PEKAN MANONG				
76	PEKAN PADANG RENGAS				
77	PEKAN SALAK				




# NEGERI PERAK

## Rajah

### Mukim/Bandar/Pekan bagi


### Daerah Kuala Kangsar



**NEGERI PERAK**  
**06 - Daerah Larut Matang**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
06	LARUT MATANG	01	MUKIM ASAM KUMBANG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5299 (20.06.2022)
		02	MUKIM BATU KURAU		
		03	MUKIM BUKIT GANTANG		
		04	MUKIM JEBONG		
		05	MUKIM KAMUNTING		
		06	MUKIM PENGKALAN AOR		
		07	MUKIM SIMPANG		
		08	MUKIM SUNGAI LIMAU		
		09	MUKIM SUNGAI TINGGI		
		10	MUKIM TERUNG		
		11	MUKIM TUPAI		
		40	BANDAR KAMUNTING		
		41	BANDAR KUALA SEPETANG		
		42	BANDAR MATANG		
		43	BANDAR TAIPING		
		70	PEKAN BATU KURAU		
		71	PEKAN CHANGKAT JERING		
		72	PEKAN PONDOK TANJONG		
73	PEKAN SIMPANG				
74	PEKAN TERUNG				


**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Larut Matang**



**NEGERI PERAK**  
**07 - Daerah Hilir Perak**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
07	HILIR PERAK	02	MUKIM CHANGKAT JONG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5300 (18.03.2022)
		03	MUKIM DURIAN SEBATANG		
		05	MUKIM LABU KUBONG		
		07	MUKIM SUNGAI DURIAN		
		08	MUKIM SUNGAI MANIK		
		40	BANDAR TELUK INTAN		
		71	PEKAN BATAK RABIT		
		73	PEKAN CHIKUS		
		74	PEKAN DEGONG		
78	PEKAN LANGKAP				

**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Hilir Perak**



**NEGERI PERAK**  
**08 - Daerah Hulu Perak**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
08	HULU PERAK	01	MUKIM BELUKAR SEMANG	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5301 (18.03.2022)
		02	MUKIM BELUM		
		03	MUKIM DURIAN PIPIT		
		04	MUKIM GERIK		
		05	MUKIM KENERING		
		06	MUKIM PENGKALAN HULU		
		07	MUKIM KERUNAI		
		08	MUKIM LENGGONG		
		09	MUKIM TEMELONG		
		10	MUKIM TEMENGOR		
		40	BANDAR GERIK		
		41	BANDAR KELIAN INTAN		
		42	BANDAR PENGKALAN HULU		
		43	BANDAR LAWIN		
44	BANDAR LENGGONG				

**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Hulu Perak**




**NEGERI PERAK**  
**09 - Daerah Selama**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
09	SELAMA	01	MUKIM HULU IJOK	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5302 (18.03.2022)
		02	MUKIM HULU SELAMA		
		03	MUKIM SELAMA		
		40	BANDAR SELAMA		
		70	PEKAN RANTAU PANJANG		
		71	PEKAN SUNGAI BAYUR		




**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Selama**



**NEGERI PERAK**  
**10 - Daerah Perak Tengah**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
10	PERAK TENGAH	01	MUKIM BANDAR	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5303 (18.03.2022)
		02	MUKIM BELANJA		
		03	MUKIM BOTA		
		04	MUKIM JAYA BARU		
		05	MUKIM KAMPONG GAJAH		
		06	MUKIM KOTA SETIA		
		07	MUKIM LAMBOR KANAN		
		08	MUKIM LAMBOR KIRI		
		09	MUKIM LAYANG LAYANG		
		10	MUKIM PASIR PANJANG HULU		
		11	MUKIM PASIR SALAK		
		12	MUKIM PULAU TIGA		
		40	BANDAR SERI ISKANDAR		
		70	PEKAN BOTA KANAN		
		71	PEKAN KAMPONG BULOH AKAR		
72	PEKAN KOTA SETIA				
73	PEKAN PARIT				
74	PEKAN TANJONG BELANJA				


**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Perak Tengah**



**NEGERI PERAK**  
**11 - Daerah Kampar**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
11	KAMPAR	01	MUKIM KAMPAR	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5304 (18.03.2022)
		02	MUKIM TEJA		
		40	BANDAR GOPENG		
		41	BANDAR KAMPAR		
		70	PEKAN KOTA BAHARU		
		71	PEKAN MALIM NAWAR		


**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Kampar**



**NEGERI PERAK  
12 – DAERAH MUALLIM**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
12	MUALLIM	01	MUKIM HULU BERNAM BARAT	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5305 (18.03.2022)
		02	MUKIM HULU BERNAM TIMOR		
		03	MUKIM SLIM		
		40	BANDAR TANJONG MALIM		
		41	BANDAR PROTON		
		42	BANDAR SLIM RIVER		
		71	PEKAN SLIM		
		72	PEKAN TEROLAK		

**NEGERI PERAK**  
**Rajah**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Muallim**




**NEGERI PERAK**  
**13 – DAERAH BAGAN DATUK**

KOD	DAERAH	KOD	NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
13	BAGAN DATUK	01	MUKIM BAGAN DATUK	WK.3747 / 29.09.2022	PW 5306 (20.06.2022)
		02	MUKIM HUTAN MELINTANG		
		03	MUKIM RUNGKUP		
		04	MUKIM TELUK BARU		
		05	MUKIM SUNGAI SUMUN		
		70	PEKAN BAGAN DATUK		
		71	PEKAN BATU DUA PULOH		
		72	PEKAN HUTAN MELINTANG		
		73	PEKAN JENDARATA		
		74	PEKAN KAMPONG SUNGAI HAJI MOHAMED		
		75	PEKAN SELEKOH		
		76	PEKAN SIMPANG EMPAT		
		77	PEKAN SIMPANG TIGA		
78	PEKAN SUNGAI SUMUN				



**NEGERI PERAK**  
**Peta**  
**Mukim/Bandar/Pekan bagi**  
**Daerah Bagan Datuk**



## GLOSARI

### **Unique Parcel Identifier – UPI**

Kod Dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah

### **Nombor lot**

Nombor yang diperuntukkan kepada sesuatu plot tanah oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan seperti mana dikehendaki di bawah Seksyen 396(1)(d), Kanun Tanah Negara (*Akta 828*)  
(*Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2009*)

### **Hakmilik Muktamad (Final Title – FT)**

Hakmilik Pejabat Pendaftaran, Hakmilik Pejabat Tanah dan Hakmilik Subsidiari (semua bentuk hakmilik selain dari Hakmilik Sementara)  
(*Sumber : Kanun Tanah Negara (Akta 828)*)

### **Tanah**

- a) permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan bumi tersebut;
- b) bumi di bawah permukaan bumi dan segala benda di dalamnya
- c) segala tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, samada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan samada di atas atau di bawah permukaan bumi ;
- d) segala benda yang bercantum kepada bumi atau yang terpasang dengan kekal kepada apa-apa benda yang bercantum kepada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi; dan
- e) tanah yang diliputi air.

[*Sumber: Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828)*]

### **Pelan Warta**

Suatu pelan yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan bagi tujuan mewartakan sesuatu kawasan atau tempat sebagaimana diperlukan di bawah undang-undang bertulis dan diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan.  
(*Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2009*)

### **Pelan Akui**

Pelan berkaitan tanah yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan, termasuklah Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum.  
(*Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2009*)

### **Pelan Pelbagai**

Suatu pelan selain daripada Pelan Akui, Pelan Warta, Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum yang disediakan bagi sesuatu tujuan yang tertentu dan diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan.  
(*Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2009*)

### **Data Spatial**

Data atau maklumat berkaitan lokasi, bentuk, sempadan dan penerangan berkenaan fitur geografi yang diperolehi daripada semua aktiviti geospasial.  
(*Sumber: Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2014*)

## PERTANYAAN TENTANG KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH (UPI)

Sebarang pertanyaan berkaitan Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah (UPI), penerbitan kod UPI dalam MyGeoportal, Penerbitan Dokumen Kod UPI atau pada masa akan datang mempunyai perubahan, penambahan dari segi kod dan ejaan nama sempadan pentadbiran tanah bagi daerah/jajahan/bahagian/daerah kecil/jajahan kecil, mukim/bandar/pekan/*land/ town district*/desa dan seksyen/presint/*block/section*/kampung/pulau boleh dikemukakan kepada :

Sekretariat  
Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)  
Pusat Geospasial Negara (PGN)  
Tingkat 7 & 8, Wisma Sumber Asli  
No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 Putrajaya